

20/11/1998

Johor bantah sikap biadab Naib Presiden

JOHOR BAHRU, Khamis - Badan Perhubungan Umno Johor sebulat suara membantah sikap biadab Naib Presiden Amerika Syarikat Al Gore, dan berikrar akan terus berdiri teguh bersama Presidennya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempertahankan maruah negara.

Dalam kenyataan selepas mesyuarat badan perhubungan itu malam tadi, Umno Johor berpendapat kenyataan Al Gore berniat jahat dan memang dirancang sejak awal.

Pengerusinya, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata tindakan itu membuktikan betapa tidak seriusnya kehadiran Amerika ke sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec).

"Ia sanggup mencemarkan forum itu dan menjadikannya sebagai medan mengaibkan tuan rumah dengan membuat kenyataan berat sebelah serta mempersoalkan kedaulatan sesebuah negara di hadapan pemimpin dunia," katanya selepas mesyuarat itu.

(END)